

Headline	Jihad MCMC kekang 'fitnah'		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,019



Jihad MCMC kekang 'fitnah'



UTUSAN: Apakah fungsi utama *sebenarnya.my* dan peranan yang dimainkan MCMC?

MAZLAN: Portal *sebenarnya.my* merupakan saluran pelaporan sekunder yang menghimpunkan maklumat secara setempat.

Dalam erti kata lain, ia bertindak sebagai pusat sehenti untuk orang ramai menyemak kesahkan sesuatu berita yang tular di media.

MCMC tidak akan mendahului kementerian atau agensi dalam pelaporan berita palsu.

Kandungan yang dimuat naik di *sebenarnya.my* adalah berita-berita yang telah diberikan penjelasan oleh agensi-agensi berkaitan sama ada melalui kenyataan media, kenyataan di laman web rasmi atau kenyataan di laman media sosial rasmi mereka seperti Facebook, Twitter dan sebagainya.

Dalam pada itu, orang ramai boleh menyalurkan berita-berita yang mereka ragui ke portal ini untuk kita salurkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk ditentusahkan.

Ini memudahkan orang ramai yang kebanyakannya tidak pasti ke mana hendak salurkan berita berkenaan kerana kurang faham mengenai bidang kuasa atau peranan sesuatu agensi.

Apakah skop berita yang diter-

bitkan di *sebenarnya.my*?

Di beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Indonesia, mereka tidak mengira skop berita, kesemuanya mereka siarkan.

Tetapi di *sebenarnya.my*, bukan semua berita yang MCMC terima untuk ditentusahkan akan disiarkan.

Kita akan menyemak dan mepisah dahulu, hanya berita yang melibatkan kepentingan awam sahaja yang boleh ditentusahkan sebelum disiarkan di *sebenarnya.my*.

Isu-isu yang menyentuh peribadi, agenda persendirian melibatkan syarikat, organisasi atau parti politik, isu sensitif berkaitan pemimpin dan yang seumpama dengannya tiada dalam skop berita *sebenarnya.my*.

Berapa lamakah masa diambil untuk sesuatu berita itu ditentusahkan oleh agensi berkaitan?

Mengikut perjanjian MCMC dengan kementerian atau agensi, sesuatu berita yang hendak ditentusahkan perlu dibuat dalam tempoh 24 jam.

Namun, sekiranya kementerian atau agensi terabit memerlukan masa yang lebih panjang disebabkan perlu membuat kajian selanjutnya, maka mereka perlu mengeluarkan kenyataan minta penangguhan.

Secara prinsipnya kementerian atau agensi perlu memberi jawapan dalam tempoh 24 jam.

Headline	Jihad MCMC kekang 'fitnah:		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,019

Selain kementerian atau agensi kerajaan, adakah MCMC turut bekerjasama dengan pihak-pihak lain dalam menentusahkan sesuatu berita?

Buat masa ini memang kita hanya bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan sahaja.

Namun, kita ada perancangan selepas ini untuk menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) jika terdapat berita-berita palsu mengenai mereka seperti **Tabung Haji**, Feluda dan lain-lain.

Sebagai contoh baru-baru ini tular berita palsu mengenai MISC Berhad akan mengadakan temuduga terbuka secara besar-besaran.

Bayangkan, ada individu yang datang dari jauh semata-mata hendak menghadiri temu duga itu tetapi bila sampai, temu duga itu tidak ada pun.

Bagi memenuhi matlamat menjadi pusat sehenti kepada orang ramai untuk menyemak kesahihan sesuatu berita yang tular di media, kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk GLC amat diper-

lukan.

Saya yakin GLC juga mahu memberikan penjelasan masing-masing jika terdapat berita palsu membabitkan mereka.

Apakah usaha yang dilakukan bagi mempromosi *sebenarnya.my*?

Bagi memastikan portal ini diketahui masyarakat, MCMC telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi.

Antaranya mengadakan liputan media iaitu dengan menyiaran artikel-artikel mengenai portal ini, selain memasang iklan di kaunter juruwang di 135 buah

setesen minyak Petronas di seluruh negara.

Kami juga menjelajah stesen-stesen radio tempatan, dan sehingga kini sebanyak 27 temu bual eksklusif di radio telah dijalankan.

Portal *sebenarnya.my* turut dipromosi sebanyak enam kali menerusi rancangan bual bicara di stesen-stesen televisyen.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan ialah mengadakan pertandingan video *Pengguna Internet Bijak* yang dibuka kepada ahli-ahli Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di seluruh negara.

Bertemakan 'Tidak Pasti Jangan Kongsi', setiap peserta perlu menerbitkan video berdurasi dua minit dan hadiah yang ditawarkan berupa wang tunai berjumlah RM1,000.

Kami juga ada menerbitkan risalah atau bahan promosi seperti grafik untuk dimuat naik di laman sosial.

Selain mengambil kesempatan memberi taklimat mengenai protal tersebut semasa acara advokasi lain dijalankan, MCMC turut mengambil pendekatan melatih kakitangan mempraktikkan amalan memeriksa kesahihan sesuatu berita.

Kami juga mengadakan aktiviti bagi menjangkau golongan berbahasa Mandarin dan Tamil.

Selepas aktiviti memperkenalkan *sebenarnya.my*, apakah langkah seterusnya yang

akan diambil?

Bermula sejak pelancarannya pada Mac lalu hingga pertengahan Jun, kita hanya fokus kepada aktiviti-aktiviti mempromosi portal *sebenarnya.my*.

Sekarang masuk fasa di mana kita akan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kesan-kesan penyebaran berita palsu terhadap sosial, ekonomi dan keselamatan negara.

Kita juga akan mendidik mereka mengenai tip-tip untuk me-

Headline	Jihad MCMC kekang 'fitnah'		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	30 Jun 2017	Circulation	171,663
Section	Dlm Negeri	Readership	563,000
Page No	5	ArticleSize	1237 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 24,673
Journalist	N/A	PR Value	RM 74,019
Frequency	Daily		

ngenal pasti berita palsu.

Fasa memberi kesedaran kepada orang ramai ini dijangka dimulakan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri¹.

Selepas itu kita akan masuk pulak ke fasa mendidik masyarakat menjadi warga digital yang bertanggungjawab demi keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Ini bagi menyokong inisiatif Negaraku sebagai usaha menyebarluaskan lagi semangat cintakan negara sempena bulan kemerdekaan pada Ogos nanti.

Bolehkah MCMC memberikan contoh kesar1-kesan buruk akibat penyebaran berita palsu?

Secara umumnya, berita palsu boleh menyebabkan kerugian kepada syarikat-syarikat perniagaan, merosakkan kredibiliti kerajaan serta mendatangkan suasana tidak selamat dalam kalangan rakyat.

Sebagai contoh, sebelum ini tular di media sosial dakwaan mengenai kad bayaran tanpa sentuh atau pay'Wave boleh diklon dan maklumatnya dijual kepada pihak ketiga.

Kementerian Kewangan telah menyangkal dakwaan tersebut.

Kes itu membuatkan rakyat ragu-ragu untuk menggunakan kemudahan berkenaan dan menyukarkan usaha Bank Negara dalam menggalakkan transaksi tanpa wang.

Baru-baru ini dalam bulan Ramadan, tersebar luas amaran kononnya buah kurma dari negara Asia Barat dijangkiti virus 'Corona' (coronavirus) berikutan terdapat banyak kelawar yang tinggal di pokok kurma.

Berita itu bagaimanapun dinafikan Kementerian Kesihatan yang telah membuat semakan dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tidakkah berita ini mendatangkan kegusaran kepada orang ramai, lebih-lebih lagi kurma begitu sinonim dengan bulan Ramadhan.

Sebelum ini, ada juga cerita

mengenai kes penculikan kanak-kanak yang organ mereka dijual di pasaran gelap yang tular di media sosial.

Berita palsu ini telah menyebabkan masyarakat berasa bimbang apabila anak-anak mereka berada di luar rumah. Anak-anak balik lambat dari sekolah difikirkan telah kena culik.

Berita setengah mengundang suasana panik, akhirnya masyarakat berasa tidak selamat.

Selain Malaysia, boleh jelaskan bagaimana trend penyebaran berita palsu di negara-negara lain?

Seperti yang diketahui, penyebaran berita palsu bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi turut melanda seluruh dunia.

Dunia merindang serius perkara ini sehingga beberapa tindakan telah diambil pihak-pihak tertentu bagi membendungnya.

Headline	Jihad MCMC kekang 'fitnah:		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,019

Pada Februari lalu, dua gergas internet iaitu Facebook dan Google telah bekerjasama bagi membantu pengguna menapis berita palsu ketika pilihan raya di Perancis.

Syarikat media sosial dan teknologi maklumat (IT) itu telah melancarkan perisian yang membolehkan pengguna menelekan butang amaran apabila mengesyaki sesuatu berita atau bahan maklumat itu palsu.

Amaran itu kemudian dinilai oleh pihak ketiga dan organisasi media termasuk *Agence France-Presse (AFP)*, akhbar *L'Espresso* dan *Le Monde* serta beberapa stesen televisyen Perancis.

Facebook

melaporkan telah menyekat kira-kira 30,000 akaun palsu yang digunakan untuk menyebarkan berita palsu ketika pilihan raya di Perancis.

Pada Mei lalu, Facebook meruskan kempen membanteras berita palsu itu di United Kingdom yang mengadakan pilihan raya umum baru-baru ini.

Kempen besar-besaran tersebut melibatkan akhbar di Britain untuk memberi amaran kepada pengguna mengenai bahaya berita palsu sebagai satu usaha membendung penularan maklumat tidak sah di platform media sosial.

Usaha sama telah dilaksanakan di Jerman dan Perancis dalam akhbar seperti *Bild*, *Süddeutsche Zeitung*, *Le Monde* dan *Les Echos*.

Adakah negara lain turut mempunyai portal seperti *sebenarnya.my*?

Ya, terdapat beberapa negara terlebih dahulu mengambil inisiatif mewujudkan portal seperti *sebenarnya.my*.

Di Ukraine, sekumpulan sukarelawan terdiri daripada pensyarah, graduan, pelajar, wartawan, editor pakar IT dan penterjemah telah melancarkan portal *stop-fake.org* bagi menentusahkan maklumat dan propaganda yang disebarluaskan di media.

Para penyelidik di Indiana University, Amerika Syarikat pula membangunkan enjin carian *Hoaxy* iaitu satu program yang menunjukkan bagaimana berita palsu menular di laman sosial.

Di rantau ini, Kementerian Komunikasi dan Maklumat Indonesia menggerak rakyat republik itu supaya memeriksa maklumat yang diperolehi melalui media sosial dan tidak berkongsi berita palsu.

Laman web www.turnbackhoax.id ditubuhkan oleh kumpulan bebas Masyarakat Anti-Fitnah Indonesia (Mafindo) dan mereka melancarkan kempen besar-besaran melalui media sosial, aktiviti lapangan, tinjauan awam risalah dan lain-lain.

Singapura pula melancarkan portal yang diberi nama *Factually* untuk menangani masalah berita palsu dalam talian.

Di Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah berkali-kali mengingatkan tentang bahayanya penyebaran berita palsu.

Oleh kerana berita palsu termasuk satu kesalahan dalam Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak meminta MCMC untuk mencari jalan menanganinya.

Bermula dari situ, MCMC mewujudkan *sebenarnya.my* sebagai platform membendung berita-berita palsu.

Headline	Jihad MCMC kekang `fitnah:		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,019

Apakah nasihat MCMC kepada orang ramai apabila mereka menerima berita yang meragui?

Pertama sekali sudah tentu kita meminta supaya masyarakat tidak membuat berita palsu dan menyebarkannya.

Masyarakat perlu sedar akan kesan-kesan penularan berita palsu ini kepada sosial, ekonomi dan keselamatan negara.

Dalam masa sama, MCMC mahu masyarakat supaya tidak berkongsi apabila menerima berita yang diragui atau tidak pasti. Ini selari dengan tema *sebenarnya.my* iaitu "Tidak Pasti Jangan Kongsi".

Jika ada menerima sebarang berita palsu, salurkan dahulu kepada portal *sebenarnya.my* atau dapatkan kepastian terus daripada agensi-agensi berkaitan.

Ini merupakan jihad MCMC dalam memberi kesedaran kepada orang ramai supaya jangan membuat fitnah dan menyebarkannya.

Allah SWT telah menyebut dalam al-Quran bahawa fitnah itu lebih teruk daripada membunuh.

Harapan saya suatu hari nanti portal *sebenarnya.my* akan menjadi tidak lagi relevan. Sebab apa? Sebab ketika itu sudah tidak ada lagi fitnah atau berita palsu.



Secara umumnya, berita palsu akan menyebabkan kerugian kepada syarikat-syarikat perniagaan, merosakkan kredibiliti kerajaan serta mendatangkan suasana tidak selamat dalam kalangan rakyat.

Portal *sebenarnya.my* merupakan saluran pelaporan sekunder yang menghimpunkan maklumat secara setempat. Dalam erti kata lain, ia bertindak sebagai pusat sehenti untuk orang ramai menyemak kesahihan sesuatu berita yang tular di media. MCMC tidak akan mendahului kementerian atau agensi dalam pelaporan berita palsu.”



Kita akan menyemak dan menapis dahulu, hanya berita yang melibatkan kepentingan awam sahaja yang boleh ditentusahkan sebelum disiarkan di *sebenarnya.my*

Headline	Jihad MCMC kekang `fitnah:		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 24,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 74,019



MENTERI Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak (dua dari kiri) ketika melancarkan portal [sebenarnya.my](#) di Auditorium Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), Cyberjaya Mac lalu. Turut hadir Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Dr. Halim Shafie (kanan). - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

